

Samy Vellu tetap lepas jawatan presiden MIC
Malaysiakini.com
November 18, 2010

Datuk Seri S Samy Vellu berkata beliau akan meletakkan jawatan sebagai presiden MIC Januari depan sebagaimana yang dijanjikan dan tidak akan menghiraukan sebarang spekulasi terhadapnya.

Beliau berkata, spekulasi dan berita negatif terhadap peletakan jawatannya tidak sama sekali akan mempengaruhi tanggungjawab beliau dalam parti itu.

samy vellu mic agm 110710 01"Bila saya keluar parti, hari itu saya akan mengadakan mesyuarat dan menjemput media untuk mengumumkan peletakan jawatan saya serta menyerahkan jawatan saya kepada Timbalan Presiden, Datuk G Palanivel," katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MIC di Ibu Pejabat MIC di Kuala Lumpur hari ini.

Katanya, golongan yang melakukan spekulasi tersebut tidak akan mendapat manfaat sebaliknya akan hilang kepercayaan di kalangan masyarakat India terhadap kumpulan itu.

"Saya berpegang kuat terhadap pemikiran dan peranan dan tahu apa yang pernah dan perlu dilakukan untuk masyarakat...masyarakat sendiri tahu perkara itu," katanya kepada pemberita ketika ditanya spekulasi media dan orang ramai bahawa beliau belum pasti akan meletak jawatan tahun depan.

Pada 30 September lalu, Samy Vellu, 74, mengumumkan akan meletak jawatan pada Januari tahun depan setelah memimpin parti itu selama 31 tahun.

Ditanya mengenai persediaan parti tersebut untuk menghadapi pilihan raya umum ke-13 (PRU-13), beliau berkata semua ketua cawangan dan bahagian akan turun padang pada masa yang terdekat untuk lebih mengenali dan bermesra dengan rakyat.

NONEKatanya, latihan kepimpinan dan pengurusan akan diberikan kepada mereka bagi membuka lebih banyak pusat perkhidmatan rakyat di seluruh negara, memperbanyakkan aktiviti turun padang dan mendaftar lebih ramai pengundi India.

Beliau juga berkata, MIC telah berjaya mendaftar seramai 30,000 pengundi baru di seluruh negara bermula awal tahun ini.

"Kita mesti tunjuk kepada masyarakat bahawa MIC mengambil berat terhadap kebajikan khususnya daripada segi pendidikan dan persekolahan," katanya.

Pada masa sama, beliau juga yakin Barisan Nasional (BN) mempunyai peluang untuk menang di PRU-13 berikutan krisis politik yang sedang berlaku dalam Parti Keadilan Rakyat (PKR).

mic 62 agm 120708 delegates"Sebelum ini pun ramai pengundi yang sokong PKR pada pilihan raya umum 2008 sudah mula kembali kepada MIC berdasarkan kemenangan yang kita peroleh di Hulu Selangor dan Bagan Pinang...saya yakin kita boleh menang," katanya.

Mengenai isu yang dibincangkan dalam mesyuarat CWC, Samy Vellu berkata mesyuarat itu meminta kerajaan mempertimbangkan usaha memperluaskan Program Asuhan dan

Pendidikan Awal Kanak-kanak (Permata Negara) ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk India.

"Dalam usaha memperkasakan pendidikan awal, kami juga mohon pra-sekolah diperluaskan dan bilangan guru pra-sekolah ditambah di sekolah Tamil," katanya.

Samy vellu berkata, MIC juga memohon kerajaan untuk memperuntukkan RM50 juta bagi menyediakan pinjaman mudah bagi mewujudkan kira-kira 100 usahawan tekno India dalam bidang modal pelaburan.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/148554>